

07 AUG 1996

Najib-UMNO

KENYATAAN PM MESEJ TEGAS TUMPUKAN PERHATIAN TERHADAP KERJA, KATA NAJIB

KUALA LUMPUR, 7 Ogos (Bernama) -- Kenyataan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa teori konspirasi hubungannya dengan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim hanya akan menjejaskan UMNO adalah satu mesej tegas, sebagai ingatan kepada setiap pemimpin dan anggota UMNO supaya menumpukan perhatian kepada kerja, kata Naib Presiden UMNO Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata kenyataan Perdana Menteri adalah jelas dan perkara (memikirkan terlalu banyak mengenai soal hubungan antara Dr Mahathir dan Anwar) haruslah dihentikan segera.

"Perdana Menteri tidak suka kepada politik mengadudombakan antara pemimpin utama negara kita," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas mengenai kenyataan Dr Mahathir bahawa pelbagai keadaan yang tidak menyenangkan dalam UMNO timbul akibat terlalu banyak teori konspirasi mengenai hubungannya dengan Anwar.

"Sekaligus ia menghilangkan sebarang spekulasi tentang masa depan dalaman UMNO," katanya selepas menyerahkan bendera Malaysia kepada ketua kontinjen bola sepak Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM) ke kejohanan bola sepak Asia ke-25 Haji Zolkarnain Abdul Aziz di kementerian di sini hari ini.

Dr Mahathir, yang juga Presiden UMNO, kesal kerana orang UMNO sendiri selalu mencari "udang di sebalik batu" dan tidak mahu menerima sesuatu kenyataan pada permukaannya sahaja.

Najib, yang juga Menteri Pendidikan, berkata bahawa teori konspirasi itu boleh membawa kepada keadaan tidak stabil di dalam UMNO dan merebaknya khabar-khabar angin yang boleh meletakkan banyak pihak dalam keadaan serba salah serta kurang yakin dengan masa depan dan politik negara ini.

"Dengan kenyataan Perdana Menteri semalam, amat jelas ia memberi satu isyarat yang cukup tegas bahawa perkara ini harus dihentikan dan kita perlu memberi tumpuan kepada usaha dan kerja kita bagi membawa kejayaan yang lebih cemerlang kepada Malaysia," katanya.

Mengenai kualiti anggota UMNO, Najib berkata ia adalah satu proses yang perlu digilap semula dan setiap anggota perlu memahami nilai-nilai murni perjuangan dalam parti.

"Ini adalah supaya budaya dalam UMNO tidak terhakis seperti perjuangan yang murni, suci dan luhur termasuk asas pemilihan pemimpin dalam UMNO yang sepatutnya memilih yang terbaik di antara yang terbilang tanpa apa-apa perhitungan yang lain seperti habuan wang dan sebagainya," katanya.

-- BERNAMA

HS AKD